

Eksplotasi kanak-kanak kian serius

Percanggahan akta perlu segera diselesai elak kebajikan generasi muda terus terabai



Perspektif Ikim

INTI PATI

Buruh kanak-kanak

- Unicef melaporkan, di seluruh dunia ada kira-kira 246 juta kanak-kanak terbabit sebagai buruh kanak-kanak (laporan yang sama turut dikemukakan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).
- Kira-kira 180 juta kanak-kanak berusia antara lima hingga 17 tahun (73 peratus daripada keseluruhan pekerja kanak-kanak) dipercayai terbabit pekerjaan berbahaya seperti di lombong dan mengendalikan mesin berbahaya.
- Daripada jumlah itu, 5.7 juta dipaksa terbabit dengan belunggu hutang dan bentuk perhambaan lain, 1.8 juta dipaksa terbabit dalam kancah pelacuran atau pornografi dan 600,000 pula terbabit dengan aktiviti diharamkan.

(Akta 611) yang mewajibkan pendidikan prasekolah dan pendidikan sekolah rendah (Seksyen 29 & 29A).

Peruntukan undang-undang itu turut menjelaskan keagagalan ibu bapa memastikan anak mereka memperoleh pendidikan rendah dianggap sebagai suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang. Pendekatan itu dilihat dapat mengurangkan bilangan buruh kanak-kanak di negara ini kerana kanak-kanak di bawah usia 12 tahun akan bersekolah dan bukannya bekerja.

Namun demikian, persoalan lain yang timbul di sini ialah wujudkah pihak tertentu atau pihak berwajib yang menjalankan pemeriksaan dan pemantauan bagi memastikan semua kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah benar-benar memperoleh pendidikan sebagaimana diwajibkan dan bukannya berkerja?

Selain itu, bagaimana pula dengan kanak-kanak berusia antara 13 hingga 17 tahun, yang pada umumnya berada di peringkat menengah? Apakah kedudukan mereka jika terbabit dengan pekerjaan disebabkan alasan seperti kemiskinan, keciciran dan kurangnya minat terhadap pelajaran?

Situasi yang berlaku dalam negara boleh dikatakan mewakili sebahagian kecil daripada apa yang berlaku di seluruh dunia. Majoriti kanak-kanak di dunia dinafikan

mengingatkan jaminan yang diberikan Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Kanak-Kanak bahawa setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk memperoleh kehidupan, pembangunan dan perlindungan.

Ini sekali gus menjamin hak kanak-kanak untuk dilindungi daripada sebarang bentuk eksploitasi dan kemudaratan. Di samping itu, kanak-kanak juga ditegaskan sebagai sumber harapan dan inspirasi masa depan.

Jika inilah harapan besar yang disandarkan pada mereka, maka kita berkewajipan menyediakan segala ruang dan peluang bagi memastikan mereka membesar dalam suasana penuh harmoni yang akan membantu pembentukan jiwa, keperibadian dan akhlak mereka.

Penyediaan peluang mendapatkan pendidikan dan pembasmian kemiskinan adalah dua langkah penting sewajarnya diberi tumpuan utama dalam usaha membanteras kegiatan mengerah tenaga dan keringat kanak-kanak.

Mengungkap kata-kata Iqbal Masih, pejuang kecil kelahiran Pakistan yang berani dan lantang bersuara menentang kerahan tenaga serta perhambaan kanak-kanak, "...Saya merayu supaya anda menghentikan mereka menggunakan kanak-kanak sebagai buruh kerana mereka lebih memerlukan pen daripada peralatan untuk be-

Oleh Wan Roslili Abd Majid

PENDEDAHAN mengenai eksploitasi terhadap kanak-kanak dan pembabitkan mereka dalam dunia pekerjaan sebagai pekerja bawah umur oleh sebuah stesen televisyen swasta baru-baru ini mengusik benak fikiran.

Tinjauan yang dilakukan di beberapa buah negeri itu, membabitkan kanak-kanak dan remaja yang mewakili pelbagai latar belakang. Pekerjaan yang dilakukan mereka didorong oleh alasan yang berbeza namun, yang menyamakan usaha mereka hanyalah matlamatnya iaitu mendapatkan rezeki dan sumber kewangan.

Apa yang menyedihkan ialah kanak-kanak seawal usia lima tahun sudah mula mengerah keringat dan kudrat demi membantu keluarga mendapatkan sesuap nasi. Barangkali dalam fikiran mereka, tidak terlintas sama sekali hasrat untuk ke sekolah kerana yang lebih utama ialah dapat menyumbang bagi meringankan bebanan anggota keluarga.

Sekelompok lagi pelajar remaja yang ditemui terbabit dengan 'pekerjaan', iaitu

aktiviti yang dijalankan bagi mendapatkan derma sebagai sebahagian kegiatan kokurikulum sekolah turut menyentak fikiran kerana jika benar seperti didakwa, mereka sesungguhnya menjadi mangsa eksploitasi.

Sama ada disedari atau tidak, kanak-kanak yang mewakili pelbagai latar belakang itu diberi perlindungan oleh Akta Kanak-Kanak 2001. Seksyen 17 (1) akta itu memberikan takrif kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan, termasuklah mereka yang mengemis dan menjaja.

Walau bagaimanapun, perbuatan menjaja dalam konteks Akta (Pekerjaan) Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966 (Akta 350) pula adalah relevan kerana ia suatu bentuk pekerjaan. Dengan kata lain, akta ini membenarkan pekerja kanak-kanak dan orang muda untuk bekerja, termasuklah menjaja.

Namun Akta Kanak-Kanak 2001 menjadikannya sebagai salah satu keadaan yang menyebabkan kanak-kanak terbabit dianggap memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Ia seterusnya membolehkan pihak berkuasa campur tangan serta mengambil kanak-kanak itu daripada ibu bapanya dan diletakkan di bawah jagaan pihak lain yang dirasa sesuai.

Percanggahan yang wujud antara kedua-

dua akta itu berhubung perkara yang sama kelihatan memerangkap dan menjadikan pekerja bawah umur yang terdiri daripada kanak-kanak dan remaja sebagai mangsa keadaan.

Memetik pandangan Prof Madya Siti Zaharah Jamaluddin dalam tulisannya, *Akta Kanak-Kanak 2001: Implikasi Terhadap Pekerja Kanak-Kanak dan Orang Muda (2002)*, "Usaha menghapuskan buruh kanak-kanak mestilah menjadi agenda negara pada masa hadapan, lebih-lebih lagi dalam usaha kita mencapai status sebagai sebuah negara maju. Keberkesanan penguatkuasaan peruntukan Akta Kanak-Kanak 2001 juga akan mengurangkan jumlah golongan ini dalam pasaran buruh. Bekerja sebagai penjaja, sama ada untuk upah atau membantu keluarga serta bekerja di tempat tertentu tidak lagi kelihatan menarik kerana kanak-kanak boleh dipindahkan daripada jagaan ibu bapa dan ibu bapa juga boleh dikenakan tindakan undang-undang. Selain itu, sudah masanya Akta (Pekerjaan) Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966 (Akta 350) dikaji semula bagi melihat sama ada peruntukannya dipinda untuk menyesuaikan dengan keadaan semasa."

Antara langkah penting yang diambil bagi menyokong usaha menghapuskan buruh kanak-kanak ialah peruntukan undang-undang melalui Akta Pendidikan 1996

asasi mereka dan keadaan ini begitu kritikal di dunia ketiga. Majoriti kanak-kanak hidup dan bekerja dalam keadaan yang sukar.

Di negara terbabit, kanak-kanak bukan saja menderita kebuluran dan memperoleh makanan tidak seimbang tetapi juga turut terdedah pada eksploitasi serta penderaan dan pada dasarnya, mereka menjalani kehidupan diliputi penderitaan.

Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unicef) melaporkan, bahawa di seluruh dunia terdapat kira-kira 246 juta kanak-kanak terbabit sebagai buruh kanak-kanak (laporan yang sama turut dikemukakan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)).

Kira-kira 180 juta kanak-kanak berusia antara lima hingga 17 tahun (73 peratus daripada keseluruhan pekerja kanak-kanak) dipercayai terbabit dalam bentuk pekerjaan paling buruk termasuk bekerja dalam keadaan mendatangkan bahaya serta kemudaratan seperti di lombong dan mengendalikan mesin berbahaya.

Daripada jumlah itu, 5.7 juta dipaksa terbabit dengan belunggu hutang dan bentuk perhambaan lain, 1.8 juta dipaksa terbabit dalam kancah pelacuran atau pornografi dan 600,000 pula terbabit dengan aktiviti diharamkan.

Kenyataan ini membuat kita termangu

kerja sebagai buruh."

Iqbal yang sejak berusia empat tahun dipaksa bekerja sepanjang dua belas jam sehari sebagai penenun permaidani dan kadangkala dirantai pada alat tenun berjaya membebaskan rakan yang senasib dengannya. Kematian penuh misterinya akibat ditembak pada usia 13 tahun tidak pernah memadamkan semangat bagi membebaskan buruh kanak-kanak di seluruh dunia.

Bagi umat Islam, seharusnya semangat membebaskan ummah daripada belunggu kemiskinan dan meninggikan taraf kehidupan melalui penguasaan ilmu pengetahuan adalah perjuangan yang tiada nakhah.

Ini khususnya bagi memastikan generasi muda Islam hari ini tidak lagi mewarisi kemiskinan dan kelemahan ummah, lalu terus menjadi mangsa penindasan serta penjajahan bangsa asing pada masa depan.

Jika sesungguhnya kita menyedari tanggungjawab berat ini, maka kita tidak akan membazirkan masa merencana segala perancangan yang diperlukan dan menggerakkannya dengan seribu daya untuk melihat ia benar-benar berhasil lalu menjadi sebuah kenyataan.

Penulis ialah Pegawai Penyelidik Institut Kefahaman Islam Malaysia